

01/07/2002

Isu peletakan jawatan PM, MCA bahan kempen

KUALA LUMPUR, Ahad - Peletakan jawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam parti dan kerajaan Oktober tahun depan, adalah antara isu yang akan digunakan Pas pada pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, 18 Julai ini.

Pesuruhjaya Pas Kedah, Azizan Abdul Razak, berkata isu peletakan jawatan Dr Mahathir akan diberikan tumpuan kerana ia masih baru.

Selain itu, katanya, isu persengketaan dalam parti komponen Barisan Nasional (BN) khususnya MCA, juga akan diberi tumpuan.

Beliau bagaimanapun berkata, dua isu berkenaan hanyalah antara beberapa isu yang akan dimainkan Pas dalam pilihan raya kecil berkenaan.

"Kami sudah mengenal pasti beberapa isu lain tetapi kena tunggu dulu. Kita tengok apa yang akan dimainkan oleh BN," katanya di sini, hari ini.

Semalam, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 10 Julai ini sebagai hari penamaan calon dan 18 Julai sebagai hari pengundian di Parlimen Pendang dan Adun Anak Bukit.

Pilihan raya kecil itu diadakan serentak berikutan kematian Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor pada 23 Jun lalu.

Pada pilihan raya 1999, Fadzil memenangi Parlimen Pendang selepas menewaskan calon BN, Datuk Othman Abdul dengan majoriti 2,939 undi. Bagi kerusi DUN Anak Bukit, Fadzil menang dengan majoriti 1,840 undi mengalahkan pencabar tunggalnya dari BN, Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin.

Mengenai kenyataan Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa BN yakin akan merampas semula dua kerusi itu, Azizan yang juga Ketua Penerangan Pas Pusat, berkata:

"Itu hak dia untuk bercakap begitu. Tetapi kami yakin akan terus menang kerana Pas kukuh di Kedah. Cuma kita kena kerja keras kali ini kerana BN bersungguh-sungguh untuk merampas dua kerusi itu."